

**P.U. (A) 133/2017**

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 2  
DAN 3) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 2 dan 3) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mei 2017.

**Pindaan Jadual 2**

2. Jadual 2 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam Bahagian 1, dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“8. Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif.”; dan

(b) dalam Bahagian 2, dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“8. “Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif” ertiannya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, menjalankan perniagaan yang memikul obligasi bagi penyerahan dan pembayaran transaksi seseorang yang

berhubungan dengan sekuriti yang tersenarai atau derivatif yang diseragamkan sebagaimana yang ditentukan dalam kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan.”.

### **Pindaan Jadual 3**

3. Jadual 3 kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan 17 dengan perenggan yang berikut:

“17. Suatu pusat penjelasan diluluskan atau syarikat pemegangan bursa yang penjalanan mana-mana aktiviti terkawalnya adalah semata-mata bersampingan dengan pengendalian olehnya kemudahan penjelasan.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 22 perenggan yang berikut:

“23. Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti terkawal penjelasan bagi sekuriti atau derivatif, bagi dirinya sendiri atau bagi perbadanan yang berhubungan dengannya.”.

Dibuat 8 November 2016

[KK/BUU/(S) 10/0.568 SJ. 3; PN(PU2)662/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

*Menteri Kewangan Kedua*